

21 Syawwal 1446 / 19 April 2025

Fatwa Jihad Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia Penguasa Umat Islam Terus Menyepi

Sehingga saat ini, kesengsaraan yang ditanggung oleh umat Islam di Gaza masih belum menemui titik noktah sejak bermulanya serangan para pejuang Islam ke atas Israel pada 7 Oktober 2023. Ada yang beranggapan bahawa konflik terbaru ini berpunca daripada serangan para pejuang ini. Hakikatnya, serangan terhadap umat Islam telah lama dimulakan secara sistematik oleh entiti Zionis sejak 1930-an. Dengan kelulusan PBB, negara haram 'Israel' diisytiharkan pada 1948, sekaligus memperhebatkan lagi penjajahan dan penindasan terhadap rakyat Palestin. Setelah kejatuhan Khilafah Uthmaniyah pada tahun 1924, tiada lagi pihak yang sanggup mempertahankan dan membela nasib umat Islam di Palestin, khususnya di Gaza.

Sehingga kini, hampir satu setengah tahun serangan tanpa henti oleh entiti haram Zionis terhadap Gaza terus berlaku dengan kezaliman yang melampau, termasuk pengeboman, penjarahan dan penyekatan kemanusiaan, atas alasan membalas serangan pejuang Palestin. Ribuan umat Islam dibunuh, diseksa, dan dinafikan akses kepada keperluan asas, termasuk dalam bulan Ramadan baru-baru ini—jelas menunjukkan unsur genosid yang terancang. Malangnya, tiada negara Islam yang tampil membela nasib mereka secara tegas, melainkan sekadar mengecam dan memberikan pelbagai alasan untuk tidak bertindak.

Setelah sekian lama umat Islam di Gaza dizalimi oleh entiti Zionis, dunia Islam dikejutkan dengan pengisytiharan fatwa rasmi oleh Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia yang mewajibkan jihad bagi membebaskan Gaza. Walaupun ada persoalan mengapa fatwa ini tidak dikeluarkan lebih awal—sejak permulaan pertumpahan darah umat Islam di sana—namun ia tetap menjadi titik tolak penting dalam menyatukan suara dan tindakan umat Islam.

Sebelum ini, beberapa negara kaum Muslimin telah mengeluarkan fatwa masing-masing berkaitan isu Palestin, namun pengisytiharan oleh badan ulama antarabangsa ini dianggap signifikan kerana mewakili konsensus kolektif para ulama dunia dengan pendirian yang jelas dan tegas. Ia hadir sebagai manifestasi

kesedaran umat yang semakin memuncak dan sebagai pemangkin kepada tindakan yang lebih bersungguh-sungguh di peringkat global.

Isi kandungan fatwa tersebut antara lain menegaskan kewajipan *jihad fi sabilillah* ke atas umat Islam dalam usaha membebaskan bumi Palestin daripada penjajahan dan kekejaman Zionis. Ia juga menyeru para pemimpin negara-negara kaum Muslimin agar bertindak tegas dan bersatu dalam mempertahankan maruah umat serta hak saudara seaqidah kita di Gaza.

Sudah tiba masanya umat Islam memandang isu Gaza bukan sekadar melalui lensa kepentingan nasional atau serantau, tetapi sebagai amanah bersama dalam membela nasib saudara seaqidah. Fatwa yang diumumkan, meskipun hadir agak lewat, merupakan satu seruan tegas yang menyeru kepada penyatuan ummah—melangkaui batas sempadan geopolitik yang selama ini memecah-belahkan kesatuan umat Islam.

Fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia mengandungi lebih kurang lima belas ketetapan yang menekankan kewajipan jihad, khususnya kepada negara-negara umat Islam. Walaupun peranan individu turut disentuh, pelaksanaan yang berkesan memerlukan gerakan terancang di peringkat negara.

Namun, respons kebanyakan negara-negara kaum Muslimin, termasuk Malaysia, dilihat lemah dan tidak menunjukkan komitmen yang selari dengan tuntutan fatwa

tersebut. Meskipun umat Islam di peringkat akar umbi menyambutnya dengan harapan dan semangat solidariti, pendekatan pemerintah pula dilihat pasif, berhati-hati, dan lebih mementingkan kepentingan diplomatik.

Lebih membimbangkan, beberapa tokoh agama antarabangsa secara terbuka menolak fatwa ini dengan alasan yang berkisar pada pertimbangan politik dan tafsiran fiqh yang bersifat konservatif. Hal ini mencerminkan betapa umat Islam masih berhadapan dengan cabaran perbezaan pendirian dan keberanian untuk bertindak tegas dalam menghadapi isu penjajahan dan kezaliman terhadap saudara seagama.

Konsep jihad pada masa kini telah tercemar dengan pelbagai konotasi negatif hasil usaha sistematik musuh-musuh Islam serta ejen-ejen mereka yang menyusup masuk ke dalam struktur negara-negara umat Islam sejak dari dahulu. Erti sebenar jihad telah diputarbelit sehingga mereka yang ikhlas ingin melaksanakannya sering dilabel sebagai pelampau, pengganas, atau ancaman kepada kestabilan negara.

Padahal dalam Islam, jihad adalah satu kemuliaan yang tinggi — satu manifestasi pengorbanan diri, harta dan jiwa demi menegakkan agama Allah. Mereka yang gugur dalam medan jihad pula dijanjikan ganjaran syahid; satu kedudukan mulia yang membolehkan mereka memasuki syurga tanpa hisab, sebagaimana dijanjikan oleh Allah SWT.

Dalam konteks peperangan di Gaza, kewajiban jihad ke atas musuh adalah fardhu 'ain bagi penduduk setempat untuk mempertahankan wilayah mereka daripada pencerobohan. Namun, apabila mereka tidak lagi berdaya menentang dan mempertahankan diri—akibat kekurangan senjata, sokongan, atau bilangan pejuang—kewajiban tersebut berpindah secara bertahap kepada umat Islam yang paling hampir, dan seterusnya menjadi tanggungjawab kolektif seluruh umat Islam. Prinsip ini berasaskan kaedah fihiyyah yang dipersetujui oleh jumhur ulama:

"Apabila sebahagian umat tidak mampu menunaikan fardhu kifayah, maka ia menjadi fardhu 'ain ke atas yang lain."

Lebih penting lagi, para ulama silam dan kontemporari menegaskan bahawa apabila wilayah umat Islam dijajah atau ditindas oleh musuh Islam (kuffar harbi), maka jihad mempertahankannya menjadi satu kewajiban yang mutlak. Malah, Imam Ibn Qudamah dalam kitab al-Mughni menyatakan bahawa apabila musuh menyerang, maka jihad menjadi fardhu 'ain ke atas setiap individu, tanpa memerlukan izin ibu bapa. Ini menggambarkan keutamaan mempertahankan tanah umat Islam daripada penjajahan sebagai satu darurat syar'i yang melangkaui prosedur biasa.

Tambahan pula, ulama usul fiqh menyatakan bahawa kewajipan ini juga melibatkan segala bentuk sokongan material dan moral—termasuk membekalkan senjata, bantuan kewangan, membuka laluan kemanusiaan, serta memberikan tekanan politik ke atas pihak penjajah. Dalam hal ini, para pemerintah umat Islam tidak boleh berdiam diri atas alasan hubungan diplomatik atau tekanan antarabangsa, kerana melindungi darah dan kehormatan umat Islam adalah tanggungjawab syar'i yang mengatasi maslahat politik sementara.

Oleh itu, pengisytiharan jihad oleh badan ulama antarabangsa perlu difahami dalam kerangka fiqh jihad yang menyeluruh—bukan semata-mata sebagai retorik, tetapi sebagai seruan yang berpaksikan hukum syarak, bertujuan menggerakkan umat dan para pemerintah kaum Muslimin untuk bertindak menentang kezaliman secara sah, terancang, dan berlandaskan prinsip Islam

Penyelesaian terhadap krisis di Gaza sebenarnya amat jelas, namun sering diabaikan oleh para pemimpin dunia Islam. Masalah pokok bukan sekadar konflik bersenjata atau kekurangan bantuan kemanusiaan, tetapi berpunca daripada kewujudan entiti Zionis itu sendiri—sebuah entiti penjajah yang bertindak sebagai pemangsa, menjadikan kaum Muslimin di Palestin sebagai mangsa kekejaman yang berterusan. Pembunuhan sistematik terhadap penduduk Gaza tidak akan berlaku sekiranya entiti ini dihalang atau dihapuskan kuasanya. Selagi entiti

haram ini terus wujud dan beroperasi tanpa sekatan, penderitaan rakyat Palestin akan terus berpanjangan.

Usaha umat Islam di seluruh dunia dalam menyediakan bantuan perubatan, makanan, kewangan, dan sokongan moral adalah sangat mulia dan wajar dihargai. Namun demikian, ia tetap bersifat sementara dan tidak menyentuh akar sebenar masalah. Bantuan paling bermakna kepada saudara kita di Gaza adalah dengan menghapuskan sumber penindasan itu—sama ada melalui kekuatan dan ketegasan negara-negara umat Islam, atau dengan melemahkan struktur kuasa mereka sehingga tidak lagi mampu menzalimi.

Kesimpulan

Fatwa yang dikeluarkan oleh Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia seharusnya menjadi pemangkin kepada tindakan tegas dan berstrategi oleh para pemimpin kaum Muslimin. Ia bukan sekadar menyeru kepada tanggungjawab individu, tetapi lebih penting, menggesa para penguasa agar bertindak atas kapasiti mereka sebagai pemimpin umat—dengan mandat dan kuasa untuk melindungi serta membela saudara-saudara mereka di Gaza.

Lebih daripada itu, fatwa ini seharusnya menyedarkan umat Islam akan keperluan mendesak terhadap kewujudan sebuah entiti politik yang

menyatukan seluruh kekuatan umat—iaitu Khilafah Islamiyyah. Dalam dunia sekular hari ini di mana umat Islam dipecah-pecah kepada lebih 50 buah negara bangsa, umat Islam yang hakikatnya adalah umat yang kuat, menjadi lemah dan tidak bermaya. Di situlah letaknya keperluan bagi umat yang terbaik ini untuk bersatu di bawah payung kekhilafahan.

Dalam sistem Khilafah, seruan jihad akan dikeluarkan dan dilaksanakan secara langsung oleh Khalifah tanpa bergantung kepada kelulusan badan antarabangsa atau tunduk kepada tekanan geopolitik luar. Khilafah merupakan sistem pemerintahan yang menerapkan syariat Islam secara menyeluruh (kaffah), dan bertindak sebagai perisai yang melindungi umat daripada ancaman musuh serta kezaliman penjajah.

Hal ini sejajar dengan sabda Rasulullah SAW:

"Sesungguhnya Imam (Khalifah) itu adalah perisai; orang-orang berperang di belakangnya dan menjadikan dia sebagai pelindung."

[Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim]

Hadis ini menegaskan bahawa kewujudan seorang pemimpin agung dalam sistem Khilafah bukan sahaja berperanan dalam aspek kepimpinan rohani dan pemerintahan, tetapi juga sebagai pelindung fizikal dan

politik bagi umat Islam.

Khilafah bukan sekadar simbol kesatuan, malah ia merupakan institusi kepimpinan yang menegakkan keadilan, memelihara maruah dan kemuliaan umat, membimbing mereka ke arah ketaqwaan serta keredhaan Allah SWT. Dengan kembalinya sistem ini, bukan sahaja penderitaan di Gaza dapat diakhiri secara tuntas, malah umat Islam di seluruh dunia—yang kini masih dizalimi, dijajah dan terpinggir—akan kembali menikmati keamanan, kemuliaan dan keadilan sejati di bawah naungan syariat Islam.